

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 6 NOVEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

PAUTAN : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1173785/malaysia-bakal-jadi-hub-ai-terbaik-rantau-ini-rafizi>

### Malaysia bakal jadi hub AI terbaik rantau ini – Rafizi



KUALA LUMPUR: Kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hub infrastruktur teknologi kecerdasan buatan (AI) terbaik di rantau ini, melalui pelan tindakan Kuala Lumpur 20 (KL20) yang akan dilancarkan Februari depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata sehingga kini, beberapa perbincangan lanjut sudah dilaksanakan dengan syarikat gergasi AI dunia bagi merealisasikan tujuan itu.

"Keseluruhan strategi baharu dan penambahbaikan berhubung ekosistem AI terkandung dalam sektor rangka tindakan 'blueprint' KL20 dengan ia beraspirasi untuk mempercepatkan pertumbuhan ekosistem ekonomi digital terbaik di dunia.

"Tumpuan kita adalah menjadikan Malaysia sebagai hub AI serantau, selain ekosistem terhadap syarikat pemula yang ingin terbabit dalam teknologi itu dan ia akan diumumkan melalui KL20 nanti," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Rafizi berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Howard Lee Chuan How (PH-Ipoh Timur) sama ada kerajaan akan membantu syarikat yang sudah berjaya dalam ekonomi digital, dengan laluan pantas untuk ke peringkat selanjutnya.

Pada masa sama, Rafizi berkata, KL20 juga akan memperincikan mengenai keputusan dasar kerajaan untuk membuka ekonomi digital termasuk AI kepada bakat antarabangsa.

Beliau berkata, melalui KL20, ia tidak akan terikat dengan subsektor tertentu seperti pendekatan sebelum ini berikutan industri digital yang berubah dengan pantas.

"Kita kena mengambil kira begitu cepatnya industri digital berubah dan ia berubah bergantung kepada 'flavour of the month' (perkembangan semasa).

"Dalam tempoh satu atau dua tahun ini, sebahagian besarnya pergi kepada dua industri utama termasuk AI, jadi pandangan yang disertakan melalui KL20 ialah kita tidak terlalu terikat dengan subsektor tertentu," katanya.